

22 AUG 1999

AKAUNTAN MESTI MAHIR DALAM TEKNOLOGI DIGITAL

IPOH, 22 Ogos (Bernama) -- Akauntan tempatan hanya boleh memainkan peranan utama dalam era digital sepenuhnya jika mereka mahir dalam kesemua aspek dalam teknologi komputer, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

"Tanpa latihan, anda tidak boleh menyediakan akaun atau audit berjuta-juta transaksi yang dijalankan sepantas kilat dalam dunia tanpa kertas dan sempadan," katanya semasa breucap pada jamuan malam Institut Akauntan Malaysia (Cawangan Perak di sini malam tadi).

Menurutnya jika mereka tidak terlatih dalam urusan digital, peranan mereka yang penting dalam masyarakat akan terhakis atau tidak diperlukan lagi.

Beliau juga berkata akauntan boleh memberi maklumat dan sumbangan bermakna kepada suasana perniagaan negara dengan mengekal atau memperbaiki sistem ekonomi dan perniagaan.

"Untuk tujuan itu, akauntan mesti tiada takut atau memihak bagi memastikan kita boleh mendukung objektif ketelusan, kebertanggungjawapan dan mencapai standard pentadbiran korporat," katanya.

Sambil menggesa akauntan tempatan menjadi pemimpin dalam profesion itu, Tajol Rosli berkata ia boleh dicapai jika mereka menerima pakai semangat "Malaysia Boleh" yang dipromosikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jadilah pemimpin bukan sahaja di negara sendiri, malah di rantau ini dan di peringkat global," katanya.

-- BERNAMA

HJ LAT